


riadah.

Percinta kuda.
Nur syuhada mahu
dedahkan
masyarakat
kepada riadah
berkuda.



[POTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN, / BH]

Aktiviti berkuda
mampu menjadi
terapi diri.

Fahami sifat haiwan pantas berlari

info.

Kuda zaman Rasulullah SAW

• **Kuda Arab** pada zaman Rasulullah Saw tidak dijual kepada orang luar dan tidak pernah keluar dari Tanah Arab.

• **Rasulullah SAW** pernah menganjurkan pertunjukan dan pertandingan kuda di Madinah sebagai sukan yang baik untuk kesihatan dan melatih keipintaran haiwan berkenaan.

• **Kuda pertama dimiliki Rasulullah SAW bernama As-Sakaf** yang dibeli daripada suku kaum Fezara dan ia ditunggangi ketika peperangan Uhud.

• Keadaan muka bumi Tanah Arab yang tandus, kering kontang dan berbukit buku menjadikan kuda kenderaan penting termasuk dalam peperangan dan urusan harian.

Menunggang kuda perlu ilmu teori, praktikal ikut perspektif Islam

Berkuda adalah riadah yang amat digalakkan oleh Rasulullah SAW, bagaimanapun, kebanyakannya masyarakat menganggap cukup hanya sekadar menunggang kuda sudah dapat menyempurnakan sunah itu.

Bagi pengasas pusat praktikal sukan kuda berteraskan sunah SSC Resources, Nur Syuhada Kamaruddin, persepsi masyarakat perlu diperbetulkan dengan menggalakkan mereka mempelajari ilmu mengenai kuda secara menyeluruh merangkumi aspek teori dan, praktikal dan perspektif Islam.

Sebelum menunggang kuda, kita perlu tahu

apakah pantang larang dan keistimewaannya, bagaimana untuk mengendali, merasai sendiri pengalaman menjaga haiwan itu termasuk memberi makan, mandi serta membersihkan kandangnya.

Ini penting untuk merangsang keselesaan kuda dan menjinakkannya sebelum ditunggang, sekali gus mengelakkan risiko ia mengamuk atau penunggang sendiri kurang berkeyakinan serta diselubungi rasa takut ketika mengendalikannya.


Haiwan istimewa
Tambah beliau, fitrah haiwan itu juga perlu diberi perhatian dalam memelihara amalan

sunah terutama penunggang perlu menjaga adab dan tidak menyaliti kuda berkenaan.

"Kuda memiliki deria yang sangat kuat sehingga boleh mengesan perasaan orang atau penunggang yang mendekatinya itu selesa atau tidak. Jika kita selesa ketika menunggang, kuda juga akan memberikan reaksi yang baik dan mudah dijinangkan."

"Begitu juga sebaliknya, bagi penunggang yang takut-takut, aksi kuda juga akan menjadi kurang baik," katanya ketika ditemui di pusat berkuda Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor, baru-baru ini.

Katanya, tanpa ilmu dikhuatiri kita mence-



markan amalan sunah seperti menunggang kuda terlalu lama sehingga menyakiti haiwan itu atau tidak diberi makan dan rehat secukupnya.

SSC Resources mengambil pendekatan pendidikan berdasarkan sunah dengan melatih peserta secara menyeluruh perkara perlu diketahui untuk mengendalikan haiwan yang disenangi Rasulullah SAW serta memiliki keunikan itu.



[POTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN, / BH]

Sesuai untuk semua golongan

Mengakui sukan berkuda makin mendapat permintaan menggalakkan sejak tiga tahun kebelakangan ini, Nur Syuhada menafikan ia riadah kelompok elit tetapi sesuai untuk semua golongan masyarakat dengan caj belajar atau praktikal menunggang yang berpatutan.

Beliau berkata, masyarakat kini khususnya umat Islam semakin berminat menyuburkan riadah menunggang kuda sebagai amalan sunah yang digalakkan.

Katanya, banyak cara boleh dilaksanakan bagi menyemarakkan aktiviti itu dengan mengenakan bayaran yang rendah selain memperkenalkan sistem wakaf melalui pembelian kuda oleh pihak tertentu untuk dimanfaatkan ahli masyarakat.

Contohnya, kejiranan atau masjid membeli kuda yang dijaga bersama untuk tujuan riadah. Cara itu dapat memberi peluang semua orang merasai

pengalaman menunggang kuda dan belajar secara tidak langsung ilmu mengenai haiwan hebat ciptaan Allah SWT.

Kuda dalam al-Quran
Sementara itu, pendakwah bebas, Ustaz Mohd Nadzrie Abbas berkata, kehebatan kuda banyak diperincikan dalam al-Quran dan hadis, bahkan menjadi medium dakwah menyebarkan ajaran Islam kepada kaum jahiliah.

“Dalam al-Quran ada surah al-’Adiyat bermaksud kuda perang berlari kenang. Orang Arab jahiliah zaman Rasulullah SAW menjadikan kuda sebagai hiburan dan amat bermegah terutama bagi yang mempunyai kuda perang.

“Bertepatan dengan sifat Allah SWT yang maha halus dan berseni, diturunkan surah mengenai kuda bagi menarik golongan itu untuk sedar seterusnya kembali ke jalan yang benar,” katanya.

Beliau berkata, kuda

boleh menjadi terapi untuk memperbaiki akhlak dan disiplin kerana apabila seseorang dekat dengan sunah, akan tersemai perasaan kasih buat Rasulullah SAW dan, berputik rasa cinta kepada Allah SWT.



Kehebatan kuda banyak diperincikan dalam al-Quran dan hadis, bahkan menjadi medium dakwah menyebarkan ajaran Islam kepada kaum jahiliah”

Mohd Nadzrie Abbas,
Penceramah bebas

Keperluan aksesori menunggang kuda



→ **Topi keledar**
Topi keledar menunggang kuda kebiasaannya berbentuk bulat, diperbuat daripada plastik dan dililiti kain baldu. Ia berfungsi melindungi kepala daripada risiko kecederaan jika terjatuh ketika menunggang kuda.

→ **Sarung tangan**
Sarung tangan membantu cengkaman yang lebih rapi selain mengelakkan kulit ‘Dred’ menggelupas atau melecat kerana menarik tali kuda dalam jangka masa lama. Gunakan sarung tangan yang lebih tebal atau diperbuat kulit untuk perlindungan maksimum.

riadah.

→ **Kasut but**
Kasut menunggang kuda perlu bertutup bagi memudahkan pergerakan ketika beraksi. Kasut but diperbuat daripada kulit digalakkan kerana tahan lasak dan memastikan keselesaan sepanjang menunggang.



→ **Cemeti**
Alat yang biasanya dipegang penunggang untuk mengawal pergerakan kuda serta memberi arahan kuda mempercepat, melambatkan atau berhenti. Teknik penggunaan cemeti penting kerana jika dipukul kuat menyebabkan kuda terkejut dan bertindak ganas.